

PEMBEDAHAN BARIATRIK TANGANI DIABETES

Kecilkan isi padu perut dan pemintasan usus kecil untuk kurangkan penyerapan lemak, gula

Siti Nadirah Hafidain

siti_nadirah@metro.com.my

Peningkatan ketara statistik penghidap obesiti dan diabetes bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan kerana ia membahayakan pelbagai risiko yang akhirnya boleh mengorbankan nyawa jika langkah pencegahan dan kawalan tidak dilakukan segera.

Selain mengawal pengambilan makanan seharian, kaedah rawatan yang boleh dilakukan bagi mengurangkan obesiti adalah menerusi pembedahan bariatrik atau teknik mengecilkan perut untuk mengurangkan berat badan dengan cara sihat dan berkesan.

Teknik mengurangkan berat badan ini dilakukan dengan meletakkan alat bantuan seperti pengikat gastrik dan pembuangan sebahagian daripada perut.

Pembedahan ini akan mengecilkan isi padu perut dan pemintasan usus kecil untuk mengurangkan penyerapan seperti lemak dan gula. Tujuan utamanya untuk menurunkan berat badan dan mengekalkan penurunan berat badan dalam jangka lama.

Kedua-duanya secara tidak langsung dapat mengurangkan dan memulihkan masalah perubatan seperti diabetes, darah tinggi dan kolesterol.

Menurut Pakar Bedah Bariatrik dan Pengarah Pusat Laparo-Obeso dari Pune, India Dr Shashank Shah, pembedahan bariatrik juga adalah pilihan rawatan kepada pesakit diabetes jenis 2 yang mengalami masalah obesiti melampau dan tidak berupaya menurunkan berat mereka ataupun beratnya naik semula walaupun mematu pelbagai kaedah termasuk beresam dan mengambil ubat kurus.

Menerusi kajian perbandingan Antara Pembedahan Dan Ubatan Kepada Pesakit Diabetes India di OSMIDI yang mendedahkan keberkesanan pembedahan bariatrik berbanding ubatan dan gaya hidup dalam pengurusan pesakit diabetes dan obesiti



DR Shashank ketika memberi penerangan mengenai pembedahan bariatrik untuk penghidap obesiti dan diabetes.

yang dijalankan selama dua tahun, pesakit diabetes yang terdedah kepada risiko komplikasi dan pergantungan berterusan kepada ubat untuk mengawal glukosa darah kini dapat dikurangkan.

Menurutnya, diabetes berlaku apabila paras glukosa darah dalam badan terlalu tinggi yang disebabkan kekurangan insulin iaitu hormon yang membantu glukosa daripada makanan sampai ke sel untuk ditukar kepada tenaga.

"Diabetes adalah penyakit yang kronik. Jika tidak dikawal, ia boleh menyebabkan komplikasi seperti sakit jantung, kegagalan buah pinggang, kerosakan saraf, masalah mata dan pemotongan anggota kaki.

"Keseluruhannya, keputusan dalam kajian dua tahun itu menunjukkan 60 peratus pesakit menjalani pintasan gastrik berupaya mencapai kawalan paras gula yang baik dengan peratusan 'glycated hemoglobin' atau HbA1c adalah 6.5 peratus dibandingkan pengambilan

ubatan dan perubahan gaya hidup.

"Ini ternyata mengurangkan risiko kepada komplikasi yang dikaitkan dengan diabetes. Pesakit yang menjalani pembedahan ini juga didapati menunjukkan pengurangan dalam berat badan, tekanan darah, paras kolesterol dan pergantungan kepada ubat," katanya.

RAWATAN SERAMPANG DUA MATA

Menurut Dr Shashank, seramai 80 pesakit diabetes jenis 2 dengan indeks jisim tubuh (BMI) mencecah 25 hingga 40 di India menyertai kajian ini. Di India, seramai 78 juta rakyatnya menghidap diabetes dan turut dilaporkan termasuk kira-kira 75 peratus penghuni unit rawatan rapi (ICU) di hospital negara berkenaan berkaitan dengan diabetes.

Di Malaysia, bilangan pesakit diabetes dan obesiti dalam populasi semakin meningkat. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 menunjukkan bilangan pesakit obesiti dewasa



DR Nik Ritza

meningkat sebanyak 2.6 peratus sejak 2011 dan jumlah pesakit diabetes dewasa kekal tertinggi dan terus meningkat daripada 15.2 peratus pada 2011 kepada 17.5 peratus pada 2015. Jumlah berkenaan membabitkan kira-kira 3.5 juta orang dengan 9.2 peratus daripadanya tidak didiagnosis.

Sementara itu, Ketua Pembedahan Gastrointestinal Atas, Bariatrik dan Metabolik, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (IPUKM), Prof Madya Datuk Dr Nik Ritza Kosal berkata,

negara ini sudah lama bersedia dalam menawarkan pembedahan bariatrik kepada pesakit diabetes dan obesiti.

"Pembedahan pertama bariatrik di Malaysia dijalankan pada 1996 dan sehingga tahun lalu pakar bedah bariatrik sudah menjalankan sebanyak 2,159 pembedahan ini. Ketika ini, ada 11 pakar bedah dan 28 hospital kerajaan serta swasta di seluruh negara yang menawarkan pembedahan bariatrik.

"Kita mempunyai kemudahan dan kepakaran untuk membantu pesakit diabetes, namun cabaran utamanya adalah untuk memberi kefahaman kepada pesakit bagaimana pembedahan bariatrik ini boleh membantu mereka," katanya.

Menurutnya, cabaran bagi mendapatkan pesakit diabetes memilih kaedah ini juga ibarat serampang dua mata apabila bukan saja untuk meningkatkan kesedaran mereka, malah menambah bilangan pakar bedah dalam bidang berkenaan.

"Ketika ini pembedahan bariatrik di negara ini dilakukan bagi membantu pesakit obesiti memperbaiki kualiti hidup mereka. Kira-kira 50 peratus kes yang kami terima adalah rujukan daripada pakar perunding ortopedik untuk membantu pesakit yang mengalami masalah sendi akibat berat badan berlebihan.

"Oleh itu, maklumat yang banyak diperlukan bagi memaklumkan pesakit diabetes yang ketika ini mendapat khidmat rundingan daripada pengamal perubatan am dan pakar endokrin untuk mempertimbangkan pembedahan bariatrik sebagai rawatan diabetes.

"Kita juga perlu menambah bilangan pakar bedah yang khusus dalam bariatrik menerusi latihan bagi membantu kira-kira 3.5 juta pesakit diabetes di negara ini berikutan bilangan pakar sedia ada tidak mampu menampung permintaan pembedahan ini," katanya.



Cabaran utamanya adalah untuk memberi kefahaman kepada pesakit bagaimana pembedahan bariatrik ini boleh membantu mereka

DR SHASHANK